

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Perfect Rider 24hr?

'Perfect Rider 24hr' ialah pelan perlindungan 24 jam seluruh dunia yang akan membayar pampasan kepada anda sebagai Pihak Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM258.40** setahun (termasuk cukai perkhidmatan dan duti setem), anda akan menerima **perlindungan Pelan 2*** berikut:

Andaian premium: Jumlah Diinsuranskan RM50,000, Pemegang Polisi dan sehingga 3 Orang Yang Diinsuranskan Dinamakan, berumur 30 tahun

Polisi ini **melindungi**:

No.	Faedah-Faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2* (RM)	Pelan 3 (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan (setiap orang)	20,000	50,000	80,000
2	Hilang Upaya Kekal (setiap orang)	20,000	50,000	80,000
3	Perbelanjaan Perubatan (setiap orang)	500 setiap kemalangan	500 setiap kemalangan	500 setiap kemalangan
	Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik (setiap orang)			
	Yuran Ambulan (setiap orang)			
4	Elaun Pengebumian (setiap orang)	500	500	500
5	Baki Kad Kredit Tertunggak (setiap orang, sehingga maksimum)	500	500	500
6	Indemniti Berganda Ketika Cuti Umum Seluruh Malaysia akibat daripada kemalangan kenderaan bermotor (setiap orang)	40,000	100,000	160,000
7	Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kenderaan dan Perkhidmatan Tunda Tanpa Had Jarak di dalam Malaysia (setiap kejadian) - Termasuk Caj Tol Tanpa Had (Untuk satu kenderaan persendirian yang dinamakan di bawah nama anda)	Tanpa had jarak	Tanpa had jarak	Tanpa had jarak
Premium Tahunan (RM) (sebelum cukai perkhidmatan dan duti setem)				
Pemegang Polisi dan sehingga 3 Orang Yang Diinsuranskan Dinamakan		130	230	330
Setiap tambahan Orang Yang Diinsuranskan Dinamakan		25	50	75

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas

Polisi ini tidak melindungi :
- Sebarang jenis sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit. - Sebarang kecacatan fizikal, mental atau uzur, sebarang jenis sawan yang sedia ada. - Semasa Orang Yang Diinsuranskan berada di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan. - Memandu tanpa lesen memandu yang sah. - Kerugian, kerosakan atau liabiliti kepada / diakibatkan oleh kenderaan yang dinyatakan di dalam polisi semasa perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan perkhidmatan tunda. - Kerugian berlaku di luar Had Wilayah; - Semasa Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri dalam pergaduhan atau tunjuk perasaan/penglibatan dalam luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, perlumbaan selain daripada menggunakan kaki. - Pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh Orang Yang Diinsuranskan, keracunan makanan, gigitan serangga, ular, binatang perosak dan binatang.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Perfect Rider 24hr, Pelan 2 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM230.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM230.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM18.40
(+) Duti setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM258.40
Dimana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM23.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

- Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan. - Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda. - Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan. - Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang. - Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan tersebut berlaku. - Had Wilayah bagi Faedah 1 hingga Faedah 6 ialah dua puluh empat (24) jam sehari, di Seluruh Dunia. Faedah 7 adalah terhad kepada 24 jam sehari di dalam Malaysia. - Dua atau Lebih Polisi – Jika berlaku sebarang tuntutan di bawah Faedah 3 dan Faedah 5, dan terdapat sebarang mana-mana insurans lain, sama ada dengan Liberty General Insurance Berhad atau syarikat insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagiannya, Liberty General Insurance Berhad hanya bertanggungjawab terhadap baki perbelanjaan yang ditanggung sehingga jumlah faedah yang diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual jika Orang Yang Diinsuranskan telah menerima bayaran di bawah polisi insurans lain. - Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi. - Kelayakan – i) Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau suami/isteri yang sah/anak/anak-anak/ibu bapa/pekerja yang menetap secara sah di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan ialah seorang individu, beliau mestilah salah seorang daripada Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat-syarikat yang berdaftar di Malaysia juga boleh membeli polisi ini dan hanya boleh menamakan pekerja mereka sebagai Orang Yang Diinsuranskan. ii) Berumur 18 tahun hingga 85 tahun atau badan korporat yang berdaftar dimana polisi ini dikeluarkan untuk melindungi Orang Yang Diinsuranskan iii) Anda, suami/isteri yang sah/ibu bapa dan/atau pekerja anda ialah 18 tahun hingga 85 tahun. iv) Anak/anak-anak anda yang sah dan belum berkahwin (termasuk anak tiri dan anak angkat secara sah) yang di bawah tanggungan kewangan anda yang berumur 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 23 tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika premium minima dibayar atau tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.